



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA  
Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : ismail@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Pemenang  
Anugerah Perdana  
Teknologi  
Maklumat 2006

Ruj Kami: JPA(L)s.175/4/1-Klt.8(26)  
Tarikh : 23 Julai 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

### **PENDEKATAN PELAKSANAAN DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM TAHUN 2010 DAN 2011**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sebagaimana tuan sedia maklum, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2005 telah menggariskan strategi pelaksanaan dasar latihan melalui:
  - i. Penyediaan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya **satu peratus (1%)** daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan; dan
  - ii. Memastikan anggota di semua peringkat mengikuti kursus sekurang-kurangnya **tujuh** hari setahun;
3. Selaras dengan langkah penjimatan yang diambil oleh Kerajaan, Jabatan ini bersetuju supaya peruntukan tahunan untuk tujuan latihan tersebut dikurangkan, dengan memberi tumpuan hanya kepada kursus-kursus yang telah dikenalpasti sebagai

strategik dan penting. Bagaimanapun bagi meneruskan usaha pembangunan modal insan yang merupakan aset terpenting dalam sesebuah organisasi pendekatan lain boleh digunakan bagi melaksanakan dasar tersebut.

4. Sehubungan ini, tuan boleh mengambil pendekatan strategik dan inovatif dalam pelaksanaan penyampaian latihan dengan menggunakan pendekatan latihan secara *blended approach*. Melalui pendekatan ini bentuk latihan yang dilaksanakan boleh dipelbagaikan dan bukan hanya melibatkan pembelajaran secara *conventional face-to face* sahaja seperti Program Mentor-Mentee; *Coaching (TOT)*; *Book Review*; Sesi Perkongsian Ilmu dan sebagainya. Penjimatan ini juga dapat dilaksanakan dengan menggunakan sepenuhnya Institut Latihan Awam (ILA) di seluruh negara yang menawarkan pelbagai kursus dan kemudahan latihan serta kaedah-kaedah lain yang difikirkan sesuai dilaksanakan oleh Kementerian/Agenzi/Jabatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(TAN SRI ISMAIL ADAM)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan